

BAB IV**ANALISIS DATA****PENDAHULUAN**

Data untuk penyelidikan ini telah diperolehi melalui beberapa ujian dan soal selidik yang telah dijalankan di sekolah yang dipilih. Data-data ini diproses dan dianalisis bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan. Analisis dibahagian ini untuk menjawab soalan-soalan kajian dalam bidang berikut:

- A. Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran
- B. Pengaruh Faktor Pendidikan Ibu Bapa dan Pendapatan Keluarga
- C. Faktor Latar Belakang Pendidikan Asas Membaca Al-Quran
- D. Faktor Kebolehan Jawi
- E. Rumusan Analisis Data
- F. Analisis Pemerhatian

A. PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN

Analisis data dalam bahagian ini bagi menjawab Soalan Kajian 1 iaitu sejauhmanakah penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu dalam :

- a) Sebutan huruf
- b) Tajwid bertulis dan tajwid bacaan.

Data-data yang dianalisis dapat dilihat dari jadual-jadual taburan markah dan jadual perbandingan min seperti dalam jadual 4.1, 4.2, dan 4.3 di bawah.

Jadual 4.1
Peratusan Kesalahan Hukum-Hukum Tajwid
Daripada Ujian Bacaan Al-Quran

	Hukum tajwid	Betul	Peratus	Salah	Peratus
i.	Ikhfa'	26	43.3	34	56.6
ii.	Izhar Syafawi	38	63.4	22	36.6
iii.	Izhar	14	23.4	46	76.6
iv.	Iqlab	18	30.0	42	70.0
v.	Iqlab	16	26.7	44	73.3
vi.	Idgham Maal Ghunnah	8	13.4	52	86.6
vii.	Idgham Maal Ghunnah	35	58.4	25	41.6
viii.	Izhar	33	55.0	27	45.0
ix.	Ikhfa'	26	43.4	34	56.6
x.	Izhar Syafawi	41	68.4	19	31.6
xi.	Ikhfa'	26	43.4	34	56.6
xii.	Idgham Maal Ghunnah	16	26.7	44	73.3
xiii.	Izhar Syafawi	36	60.0	24	40.0
xiv.	Ikhfa'	33	55.0	27	45.0

Jadual 4.1 di atas menunjukkan analisis markat hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam ayat yang dibaca oleh sampel. Hukum-hukum tajwid di atas yang telah di pelajari berpandukan Sukatan Pendidikan Islam bahagian Tilawah Al-Quran.

Data tersebut menunjukkan sebanyak 86.6 peratus pelajar membuat kesalahan tajwid dalam hukum Idgham Maal Ghunnah, manakala sebanyak 76.6 peratus pelajar membuat kesalahan tajwid dalam hukum Izhar, sebanyak 73.3 peratus pelajar membuat kesalahan tajwid dalam hukum Iqlab dan sebanyak 73.3 peratus pelajar membuat kesalahan dalam hukum tajwid Idgham Maal Ghunnah (dalam kalimah lain), dan sebanyak 56.6 peratus pelajar membuat kesalahan dalam hukum Ikhfa'. Manakala selebihnya di dalam hukum-hukum tajwid yang lain seperti 40 peratus pelajar salah dalam hukum Ikhfa' Syafawi, 38.3 peratus dalam hukum Mad.

Data tersebut juga menunjukkan masih ramai pelajar yang tidak boleh menguasai hukum-hukum tajwid yang asas seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas.

Jadual 4.2

Perbandingan Min Pencapaian Antara Jantina Mengikut Ujian T.

Jantina							
Lelaki (N=30)	perempuan (N=30)	PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA					
Tajwid Bertulis							
Min	S.L.	Min.	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
46.86	28.37	58.40	30.18	11.54	-1.52	0.133 (t.s)	
Tajwid Bacaan							
Min.	S.L.	Min.	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
49.12	28.97	52.28	24.21	3.16	-.46	.649(t.s.)	
Pencapaian Sebutan							
Min.	S.L.	Min.	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
52.98	27.67	57.37	24.15	4.39	.65	.516 (t.s.)	

Nota: S.L. = Sisihan Lazim (t.s.) = Tidak Signifikan

Jadual 4.2 menunjukkan min pencapaian bagi kumpulan lelaki dalam ujian tajwid bertulis ialah 46.86 dan min pencapaian bagi pelajar perempuan ialah 58.40. Data menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam ujian tajwid bertulis.

Data tersebut juga menunjukkan min pencapaian tajwid bacaan bagi kumpulan pelajar lelaki ialah 49.12 dan min pencapaian tajwid bacaan bagi kumpulan pelajar perempuan ialah 52.28. Data menunjukkan terdapat perbezaan min yang kecil antara kumpulan pelajar lelaki dengan kumpulan pelajar perempuan, tetapi perbezaan di antara keduanya tidak signifikan.

Dalam pencapaian sebutan, data menunjukkan min pencapaian sebutan huruf bagi pelajar lelaki ialah 52.98 dan min pencapaian sebutan huruf bagi pelajar perempuan ialah 57.37. Data menunjukkan terdapat perbezaan tetapi tidak signifikan antara pencapaian sebutan huruf pelajar perempuan dengan pelajar lelaki.

Jadual 4.3 di bawah menunjukkan perbandingan pencapaian antara jantina.

Jadual 4.3

Taburan Perbandingan Min Pencapaian Antara Jantina

	Jantina	
	Lelaki (N30)	Perempuan (N30)
Pencapaian Tajwid Bertulis		
Min	46.48	58.40
Sisihan lazim	28.38	30.18
Median	39.50	60.0
Minimum	5.0	10.0
Maksimum	100.0	93.0
Pencapaian Tajwid Bacaan		
Min	49.13	52.28
Sisihan lazim	28.92	24.21
Median	52.63	63.15
Minimum	0	0
Maksimum	94.73	89.48
Pencapaian Sebutan Huruf		
Min	52.98	57.37
Sisihan lazim	27.67	24.15
Median	57.89	65.79
Minimum	5.26	5.26
Maksimum	94.74	89.48
Pencapaian Jawi		
Min	68.34	73.77
Sisihan lazim	21.50	27.21
Median	67.0	85.50
Minimum	30.0	24.0
Maksimum	100.0	100.0

Jadual 4.3 menunjukkan perbandingan pencapaian antara jantina. Dalam pencapaian tajwid bertulis min pelajar lelaki ialah 46.87 peratus, dan min pelajar perempuan ialah sebanyak 58.40 peratus. Dalam pencapaian tajwid bacaan pula min pelajar lelaki ialah sebanyak 49.13 peratus, manakala min pelajar perempuan ialah sebanyak 52.28 peratus. Dalam pencapaian sebutan min pelajar lelaki ialah 52.98 peratus, dan bagi pelajar perempuan min sebanyak 57.37 peratus. Dalam pencapaian jawi min pencapaian pelajar lelaki ialah 68.34 peratus, manakala min pelajar perempuan ialah sebanyak 73.77 peratus.

Analisis data menunjukkan min pelajar perempuan lebih tinggi berbanding dengan min pelajar lelaki dalam semua pencapaian yang telah diuji.

B. PENGARUH FAKTOR PENDIDIKAN IBU BAPA DAN PENDAPATAN KELUARGA DALAM KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN

Analisis data dalam bahagian ini akan menjawab soalan kajian kedua. Soalan kajian kedua ialah adakah terdapat perbezaan antara faktor pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu?. Untuk menjawab soalan kajian di atas tiga subsoalan kajian telah dibentuk iaitu:

- 2(a). Adakah terdapat perbezaan antara latar belakang pendidikan ibu dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran? .

- 2(b). Adakah terdapat perbezaan antara latar belakang pendidikan bapa dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?.
- 2(c). Adakah terdapat perbezaan antara pendapatan keluarga dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?.

a) **Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Pendidikan Ibu Dalam Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran.**

Perbandingan min markat pencapaian dengan pendidikan ibu akan diperolehi melalui subsoalan kajian 2(a) iaitu adakah terdapat perbezaan antara latar belakang pendidikan ibu dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?. Untuk menjawab soalan kajian tersebut perbandingan min dibuat antara markat pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan, dan pencapaian sebutan dengan pendidikan ibu.

Analisis data perbandingan min markat pencapaian dengan pendidikan ibu dapat dilihat daripada ujian-t dalam jadual 4.4.

Jadual 4.4

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Pendidikan Ibu

Pendidikan Ibu							
S.M.R. ke bawah (N 27)	S.M.A ke atas (N33)						
Markat Tajwid Bertulis							
Min 55.29	S.L. 30.68	Min. 50.45	S.L. 29.00	Beza Min 4.84	Nilai t .62	Probabiliti .536(t.s.)	
Markat Tajwid Bacaan							
Min. 51.26	S.L. 27.29	Min 50.23	S.L. 26.28	Beza Min -1.03.	Nilai t .15	Probabiliti .883(t.s.)	
Markat Pencapaian Sebutan							
Min 54.78	S.L. 25.79	Min 55.50	S.L. 26.28	Beza Min -0.73	Nilai t -.11	Probabiliti .915(t.s.)	

Nota: S.L= Sisihan lazim

(t.s) = Tidak signifikan

Jadual 4.4 menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah ialah 55.29 dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mempunyai ibu sekolah menengah ke atas ialah 50.45.

Data analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min markat pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan tinggi dengan min markat pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan rendah dalam ujian tajwid bertulis.

Data dari jadual 4.4 menunjukkan min markat pencapaian ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah ialah 51.26 dan min markat pencapaian ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah ke atas ialah 50.23.

Data analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan min markat yang signifikan antara dua kumpulan pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah dengan pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah ke atas dalam ujian tajwid bacaan. Kajian ini mendapati pendidikan ibu kurang mempengaruhi pencapaian ujian tajwid bacaan.

Data di atas menunjukkan min markat pencapaian sebutan huruf bagi pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah ialah 54.78 peratus dan min markat pencapalan sebutan huruf bagi pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah ke atas ialah 55.50 peratus.

Data dalam jadual 4.4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan min markat yang signifikan antara dua kumpulan pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah dengan kumpulan pelajar yang mempunyai ibu berpendidikan sekolah menengah ke atas dalam sebutan huruf.

b) **Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Pendidikan Bapa Dalam Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran**

Perbandingan min markat pencapaian dengan pendidikan bapa akan diperolehi melalui subsoalan 2(b) iaitu adakah terdapat perbezaan latar belakang pendidikan bapa dengan penguasaan membaca Al-Quran?. Untuk menjawab soalan kajian tersebut perbandingan dibuat antara markat pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan dan pencapaian sebutan dengan pendidikan bapa.

Data-data untuk perbandingan min markat pencapaian dengan pendidikan bapa diperolehi daripada jadual 4.5

Jadual 4.5

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Pendidikan Bapa

Pendidikan Bapa						
S.M.R. ke bawah (N=18)	Sek. Men. ke atas (N=42)	Min.	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Markat Tajwid Bertulis						
56.00	26.14	51.19	31.17	4.81	.62	.542(t.s.)
Markat Tajwid Bacaan						
50.87	25.87	50.62	27.06	.25	.03	.973 (t.s.)
Markat Pencapaian Sebutan						
55.84	25.85	54.88	26.12	.96	-.13	.896(t.s.)

Nota: S.L.= Sisihan lazim (t.s.)= Tidak signifikan

Jadual 4.5 di atas menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah ialah 56.00, dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah atas ialah 51.9.

Data analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian tajwid bertulis mengikut pendidikan bapa. Ini bererti pendidikan bapa kurang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam tajwid bertulis.

Jadual di atas juga menunjukkan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah ialah 50.87, dan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah ke atas ialah 50.62.

Data di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian tajwid bacaan mengikut pendidikan bapa. Ini bererti pendidikan bapa kurang mempengaruhi pencapaian ujian tajwid bacaan pelajar-pelajar tingkatan satu.

Data di atas juga menunjukkan min markat sebutan huruf bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah rendah ke bawah ialah 55.84, dan min markat sebutan huruf bagi pelajar yang mempunyai bapa berpendidikan sekolah menengah ke atas ialah 54.88.

Data analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pencapaian sebutan mengikut pendidikan bapa. Ini berkemungkinan pendidikan bapa kurang mempengaruhi pelajar dalam pencapaian sebutan huruf.

Daripada data-data di atas dapatlah disimpulkan bahawa dalam pencapaian markat ujian tajwid bertulis, ujian tajwid bacaan dan ujian sebutan huruf, latar belakang pendidikan keluarga kurang memberi pengaruh kepada pelajar tingkatan satu dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran.

c) Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Pendapatan Keluarga Dalam Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran

Untuk menjawab subsoalan 2(c) perbandingan dibuat antara markat pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan dan pencapaian sebutan dengan pendapatan keluarga.

Analisis data perbandingan min markat pencapaian mengikut pendapatan keluarga dapat dilihat daripada ujian-t dalam jadual 4.6.

Jadual 4.6

Perbandingan Min Markat
Pencapaian Mengikut Pendapatan Keluarga

Pendapatan Keluarga						
Kurang dari RM999.00 (N=39)	Lebih RM 999.00 (N=21)					
Tajwid Bertulis						
Min. 50.02	S.L. 28.92	Min. 57.47	S.L. 30.98	Beza Min -7.45	Nilai t -.91	Probabiliti .369(t.s.)
Tajwid Bacaan						
Min. 50.20	S.L. 27.63	Min 51.62	S.L. 24.94	Beza Min -1.42	Nilait -.20	Probabiliti .840(t.s.)
Pencapaian Sebutan						
Min. 54.25	S.L 26.59	Min 56.89	S.L. 24.94	Beza Min -2.64	Nilai t -.38	Probabiliti .704(t.s)

Nota: S.L.= Sisihan lazim (t.s.)= Tidak signifikan

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa min markat ujian bertulis tajwid bagi pelajar yang mempunyai keluarga berpendapatan kurang dari RM999.00 ialah 50.02, dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mempunyai keluarga berpendapatan lebih daripada RM999.00 ke atas ialah 57.47.

Data menunjukkan terdapat perbezaan min yang kecil antara dua kumpulan pelajar di atas dan perbezaan antara keduanya tidak signifikan.

Data di atas menunjukkan min markat tajwid bacaan pelajar yang mempunyai keluarga berpendapatan kurang dari RM999.00 ialah 50.20 dan

min markat tajwid bacaan bagi pelajar yang mempunyai keluarga berpendapatan lebih dari RM 999.00 ialah 51.62.

Data analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar yang keluarga berpendapatan kurang dari RM999.00 dengan kumpulan pelajar yang keluarga berpendapatan lebih dari RM 999.00. Ini bererti markat dalam ujian tajwid bacaan antara dua kumpulan di atas adalah lebih kurang sama.

Data di atas menunjukkan min markat pencapaian sebutan huruf bagi pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga kurang daripada RM999.00 ialah 54.25, dan min markat pencapaian sebutan huruf bagi pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga lebih daripada RM999.00 ialah 56.89.

Data analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga kurang daripada RM999.00 dengan kumpulan pelajar yang mempunyai pendapatan keluarga lebih daripada RM999.00 dalam min markat sebutan huruf.

C. FAKTOR LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ASAS MEMBACA AL-QURAN

Faktor latar belakang pendidikan asas membaca Al-Quran akan dijawab dalam soalan kajian di bawah.

Soalan kajian 3 iaitu "Adakah terdapat perkaitan antara faktor latar belakang pendidikan asas Al-Quran terhadap penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?". Untuk menjawab soalan kajian tersebut, tiga subsoalan dibentuk seperti berikut:

- a) Soalan 3(a) ialah adakah terdapat perkaitan masa pelajar tamat Muqaddam dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran?.
- b) Soalan 3(b) ialah adakah terdapat perkaitan pelajar yang tamat Al-Quran dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran?
- c) Soalan 3(c) ialah adakah terdapat perkaitan antara keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam dalam penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu?.

Untuk menjawab soalan-soalan di atas jadual-jadual di bawah adalah berkaitan:

a) Masa Tamat Muqaddam

Masa tamat Muqaddam akan dijawab daripada subsoalan kajian 3(a) iaitu adakah terdapat perkaitan masa tamat Muqaddam dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran?. Untuk menjawab subsoalan tersebut perbandingan dibuat antara markat pencapaian sebutan, tajwid bertulis, dan tajwid bacaan dengan masa tamat Muqaddam.

Taburan sampel mengikut masa tamat Muqaddam terdapat dalam jadual 4.7 dan perbandingan min markat terdapat dalam jadual 4.8 di bawah.

Jadual 4.7

Pecahan Peratus Sampel Mengikut Masa Tamat Muqaddam

Masa tamat Muqaddam	Kekerapan	Peratus
Sebelum masuk sekolah	9	15.0
Semasa tahun 1 hingga tahun 3	35	58.3
Semasa tahun 4 hingga tahun 6	15	25.0
Belum tamat	1	1.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan 15 peratus daripada pelajar telah tamat Muqaddam sebelum masuk sekolah, 58.3 peratus pelajar tamat Muqaddam semasa dalam tahun satu hingga tahun tiga, 25 peratus pelajar tamat Muqaddam semasa di tahun empat hingga tahun enam dan 1.7 peratus sahaja yang masih belum tamat Muqaddam.

Analisis data perbandingan min markat pencapaian dengan masa tamat Muqaddam diperolehi dari jadual 4.8 di bawah.

Jadual 4.8

**Perbandingan Min Markat Pencapaian
Mengikut Masa Tamat Muqaddam**

Masa tamat	
Tahun 4 ke atas (N=16)	Tahun 3 ke bawah (N=44)
Pencapaian Sebutan	
Min. 37.50	S.L. 22.72
Min. 61.60	S.L. 24.04
Beza Min -24.1	
Nilai t -3.58	Probabiliti .001(s)
Tajwid Bertulis	
Min. 35.37	S.L. 27.90
Min. 58.90	S.L. 27.94
Beza Min -23.53	
Nilai t -2.89	Probabiliti .008(s)
Tajwid Bacaan	
Min. 32.23	S.L. 22.72
Min. 57.41	S.L. 24.73
Beza Min -25.18	
Nilai t -3.70	Probabiliti .001(s)

Nota: S.L.= Sisihan lazim s = Signifikan $P > .05$

Jadual 4.8 menunjukkan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun empat ke atas ialah 37.50 dan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun tiga ke bawah ialah 61.60.

Data analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan tersebut dalam pencapaian sebutan. Ini bererti kumpulan pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun tiga ke bawah lebih tinggi min markat pencapaian sebutan berbanding dengan kumpulan pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun empat ke atas.

Jadual di atas juga menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun empat ke atas ialah 35.37 dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun tiga ke bawah ialah 58.90.

Data analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min markat pencapaian pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun empat ke atas dengan min markat pencapaian pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun tiga ke bawah. Ini bererti pelajar yang mencapai min markat yang tinggi dalam ujian tajwid bertulis ialah pelajar yang tamat Muqaddam lebih awal iaitu tahun tiga ke bawah.

Jadual tersebut juga menunjukkan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun empat ke atas ialah 32.23 dan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun tiga ke bawah ialah 57.41.

Data di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min markat pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun empat ke atas dengan min markat pelajar yang tamat Muqaddam semasa tahun tiga ke bawah.

Ini bererti pelajar yang baik dalam ketiga-tiga min markat pencapaian di atas ialah pelajar yang tamat Muqaddam lebih awal (dalam tahun tiga ke bawah).

Dalam membaca Al-Quran pendedahan awal kepada pengajian Muqaddam adalah perlu. Oleh itu sepatutnya ibu bapa memberi latihan dalam membaca Muqaddam kepada anak-anak ketika kanak-kanak masih kecil lagi.

b) Perkaitan Masa Tamat Muqaddam

Perkaitan masa tamat Muqaddam akan terdapat dalam subsoalan kajian 3(b) iaitu adakah terdapat perkaitan tamat Al-Quran dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?. Untuk menjawab soalan kajian ini perbandingan dibuat antara min markat pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan dan pencapaian sebutan dengan masa tamat Al-Quran. Jadual 4.9 adalah menunjukkan perbandingan tersebut.

Jadual 4.9

Perbandingan Min Markat Pencapaian Mengikut Masa Tamat Al-Quran

Tamat Al-Quran	
Belum Tamat (N=27)	Tahun 1 Ke Atas (N=33)
Markat Tajwid Bertulis	
Min. 37.70	S.L. 25.75
Min. 64.84	S.L. 27.14
Beza Min -27.14	Nilai t -3.96
	Probabiliti .000 (s)
Markat Tajwid Bacaan	
Min. 39.18	S.L. 25.83
Min. 60.12	S.L. 23.46
Beza Min -20.94	Nilai t -3.25
	Probabiliti .002(s)
Markat Pencapaian Sebutan	
Min. 44.44	S.L. 25.83
Min. 63.95	S.L. 22.64
Beza Min -19.51	Nilai t -3.07
	Probabiliti .003 (s)

Nota: S.L=Sisihan lazim s = Signifikan $P>.001$

Jadual 4.9 menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang belum tamat Al-Quran ialah 37.70 dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang tamat Al-Quran semasa tahun 1 hingga tahun 6 ialah 64.84.

Data analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan pelajar yang tersebut di atas.

Jadual di atas juga menunjukkan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang belum tamat Al-Quran ialah 39.18 dan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang sudah tamat Al-Quran semasa tahun satu hingga tahun enam ialah 60.12. Analisis data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P>.05$.

Data di atas juga menunjukkan min markat pencapaian sebutan huruf bagi kumpulan pelajar yang belum tamat Al-Quran ialah 44.44 dan min markat pencapaian sebutan huruf bagi kumpulan pelajar yang telah tamat Al-Quran semasa tahun satu hingga tahun enam ialah 63.95. Data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada $P>.05$.

Data di atas menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis, min markat tajwid bacaan dan sebutan pelajar tinggi jika mereka telah tamat Al-Quran, dan sebaliknya pencapaian min markat ujian-ujian tersebut rendah jika mereka masih belum tamat Al-Quran. Ini bererti tamat Al-Quran boleh mempengaruhi pencapaian mereka dalam markat ujian tajwid bertulis, dan ujian tajwid bacaan serta sebutan huruf. Jika pelajar telah tamat Al-Quran pencapaian mereka

baik, dan sebaliknya markat ujian-ujian mereka rendah jika pelajar belum tamat membaca Al-Quran.

Pada keseluruhannya analisis data menunjukkan dengan jelas perkaitan antara tamat Al-Quran dengan pencapaian markat tajwid bacaan, tajwid bertulis dan sebutan huruf. Pelajar yang telah tamat Al-Quran kurang melakukan kesalahan tajwid dalam membaca Al-Quran, dan baik disegi sebutan berbanding dengan pelajar yang belum tamat Al-Quran.

c) **Keputusan Ujian Bacaan Al-Quran Tahun Enam**

Keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam akan terdapat dalam subsoalan kajian 3(c) iaitu "adakah terdapat perkaitan keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam dengan penguasaan membaca Al-Quran pelajar tingkatan satu?". Untuk menjawab soalan kajian tersebut perbandingan dibuat antara min markat pencapaian tajwid bacaan, tajwid bertulis dan pencapaian sebutan dengan keputusan ujian Al-Quran tahun enam. Analisis data di dalam jadual 4.10 adalah menunjukkan perbandingan tersebut.

Jadual 4.10

Perbandingan Min Markat Pencapaian
Dengan Keputusan Ujian Al-Quran Tahun Enam

Keputusan Ujian Al-Quran	
Lulus dan Sederhana (N=17)	Baik dan Cemerlang (N=43)
Markat Tajwid Bacaan	
Min S.L.	Min S.L. Beza Min Nilai t Probabiliti
34.05 28.95	57.28 22.62 -23.23 -2.97 .007(s)
Markat Tajwid Bertulis	
Min S.L.	Min S.L. Beza Min Nilai t Probabiliti
43.47 28.84	56.25 29.46 -12.78 -1.54 .135 (t.s.)
Markat Pencapaian Sebutan	
Min S.L.	Min S.L. Beza Min Nilai t Probabiliti
36.84 24.96	62.42 22.6 -25.58 -3.67 .001 (s)

Nota: S.L.= Sisihan lazim s = Signifikan $P>.05$

Jadual 4.10 menunjukkan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam yang mendapat pangkat lulus dan sederhana ialah 34.05 dan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang keputusan ujian Al-Quran tahun enam baik dan cemerlang ialah 57.28.

Data di atas menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan pada aras $P>.05$. Dapatan menunjukkan pelajar yang mendapat markat baik dan cemerlang dalam ujian tahun enam adalah juga baik dalam markat ujian tajwid bacaan berbanding dengan pelajar yang mendapat pangkat sederhana dan

lulus semasa ujian bacaan Al-Quran tahun enam, mereka kurang baik dalam markat ujian tajwid bacaan Al-Quran di tingkatan satu.

Dalam jadual di atas juga menunjukkan min markat pencapaian tajwid bertulis bagi pelajar yang mendapat pangkat lulus dan sederhana ialah 43.47 dan min markat pencapaian tajwid bertulis bagi pelajar yang mendapat baik dan cemerlang ialah 56.25.

Jadual tersebut juga menunjukkan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang mendapat pangkat lulus dan sederhana ialah 36.84 dan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang mendapat baik dan cemerlang ialah 62.42. Data menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan pada aras $P > .05$.

Jadual di atas juga menunjukkan pelajar yang cemerlang dalam ujian bacaan tahun enam adalah pelajar yang juga baik markat dalam sebutan huruf. Ini bererti pelajar yang cemerlang membuat kesalahan sebutan yang kecil berbanding dengan pelajar yang hanya mendapat lulus dan sederhana dalam ujian bacaan tahun enam, mereka banyak membuat kesalahan sebutan huruf semasa membaca Al-Quran di tingkatan satu.

D. FAKTOR KEBOLEHAN JAWI

Analisis data dalam bahagian ini akan menjawab soalan kajian iaitu "Adakah terdapat hubungan antara kebolehan dalam jawi dengan penguasaan

kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu?". Untuk menjawab soalan ini, lima subsoalan dibentuk seperti berikut:

- Soalan 4(a) - Adakah terdapat perbezaan pencapaian jawi antara jantina?.
- Soalan 4(b) - Adakah terdapat hubungan suka belajar pelajaran jawi dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?.
- Soalan 4(c) - Adakah terdapat hubungan sukar mempelajari jawi dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?.
- Soalan 4(d) - Adakah terdapat hubungan markat ujian jawi tahun enam dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran tingkatan satu?
- Soalan 4(e) - Adakah terdapat hubungan kebolehan dalam pencapalan jawi dengan tajwid bertulis, tajwid bacaan dan pencapaian sebutan?

Sebelum menjawab soalan kajian di atas dibentangkan analisis data secara deskriptif untuk menunjukkan peratusan dan kekerapan item-item yang berkaitan dengan kebolehan jawi. Jadual 4.11 menunjukkan taburan peratusan suka belajar jawi tahun semasa tahun enam.

Jadual 4.11

Peratusan Suka Belajar Pelajaran Jawi Semasa Tahun Enam

Suka belajar jawi	Kekerapan	Peratus
Sangat suka	15	25.0
Suka	36	60.0
Sederhana suka	1	1.6
Kurang suka	8	13.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.11 menunjukkan sebanyak 25 peratus pelajar sangat suka belajar pelajaran jawi semasa di tahun enam, dan sebanyak 60 peratus pelajar suka belajar jawi semasa tahun enam, dan sebanyak 1.6 peratus pelajar sederhana suka dan 13.3 peratus pelajar kurang suka belajar jawi semasa tahun enam.

Data di atas memperlihatkan bahawa ramai dari kalangan pelajar iaitu 60 peratus menyatakan suka belajar jawi.

Jadual 4.12

**Pecahan Sampel Mengikut Sukar Mempelajari
Tulisan Jawi Semasa Tahun Enam**

Sukar tulisan jawi	Kekerapan	Peratus
Sangat sukar	23	38.3
Sederhana sukar	1	1.6
Tidak sukar	36	60.0
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.12 memperlihatkan sebanyak 38.3 peratus pelajar menyatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi, manakala sebanyak 1.6 peratus pelajar menyatakan sederhana sukar dan sebanyak 60 peratus pelajar menyatakan tidak sukar mempelajari tulisan jawi.

Data dalam jadual 4.12 juga menunjukkan sebanyak 60 peratus pelajar yang menyatakan tidak sukar mempelajari jawi. Ini bererti mereka berminat untuk belajar jawi.

Jadual 4.13

Pencapaian Markat Pelajaran Jawi Semasa Tahun Enam

Markat Pelajaran Jawi	Kekerapan	Peratus
Cemerlang	2	3.3
Baik	43	71.6
Sederhana	10	16.6
Lemah	5	8.3
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.13 menunjukkan sebanyak 3.3 peratus pelajar cemerlang dalam markat jawi semasa tahun enam, manakala 71.6 peratus pelajar mendapat markat baik dan 16.6 peratus pelajar mendapat markat sederhana dan hanya 8.3 peratus sahaja pelajar yang mendapat markat lemah dalam ujian jawi tahun enam. Data di atas juga memperlihatkan pencapaian jawi pelajar pada tahun enam juga baik lalut sebanyak 71.6 peratus mendapat markat baik.

Jadual 4.14

**Peratusan Sampel Mengikut Lancar Membaca Buku Teks Jawi
Semasa Sekolah Rendah Tahun Enam**

Lancar membaca buku teks	Kekerapan	Peratus
Sangat lancar	38	63.3
Sederhana lancar	5	8.3
Sukar	14	23.3
Sangat sukar	3	5.0
 Jumlah	60	100.0

Jadual 4.14 menunjukkan sebanyak 63.3 peratus pelajar sangat lancar membaca buku teks jawi, manakala 8.3 peratus pelajar sederhana lancar membaca buku teks jawi dan 23.3 peratus pelajar menyatakan sukar membaca buku teks jawi, dan 5 peratus pelajar menyatakan sangat sukar membaca buku teks jawi semasa tahun enam. Data di atas memperlihatkan 63.3 peratus pelajar telah dapat membaca dengan lancar buku teks jawi dan sebanyak 23.3 peratus dari pelajar menyatakan sukar membaca jawi.

Jadual 4.15 berikut menerangkan kebolehan pelajar dalam membaca akhbar dan majalah bertulisan jawi.

Jadual 4.15

**Taburan Peratusan Lancar Membaca Akhbar Atau Majalah
Dalam Tulisan Jawi Semasa Tahun Enam**

Baca akhbar dan majalah jawi	Kekerapan	Peratus
Sangat lancar	8	13.3
Lancar	37	61.6
Sederhana lancar	9	15.0
Sukar	5	8.3
Sangat sukar	1	1.6
 Jumlah	60	100.0

Jadual 4.15 di atas menunjukkan sebanyak 13.3 peratus pelajar sangat lancar membaca akhbar dan majalah bertulisan jawi, sebanyak 61.6 peratus pelajar lancar membaca akhbar dan majalah bertulisan jawi, sebanyak 15 peratus pelajar sederhana lancar membaca akhbar dan majalah bertulisan jawi dan sebanyak 8.3 peratus pelajar sukar membaca akhbar dan majalah jawi dan 1.6 peratus pelajar sangat sukar membaca akhbar dan majalah jawi.

Data di atas memperlihatkan sebahagian besar pelajar telah boleh membaca akhbar dan majalah jawi dengan baik.

Jadual 4.16

Peratusan Sampel Mengikut Suka Membaca Buku-buku,
Majalah Dan Akhbar Bertulisan Jawi Semasa Tingkatan Satu

Suka baca buku/majalah/akhbar	Kekerapan	Peratus
Sangat suka	4	6.6
Suka	34	56.6
Sederhana suka	11	18.3
Tidak suka	10	16.6
Sangat tidak suka	1	1.6
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.16 menunjukkan sebanyak 6.6 peratus pelajar sangat suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi, sebanyak 56.6 peratus pelajar suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi, manakala sebanyak 18.3 peratus pelajar sederhana suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi, dan 16.6 peratus pelajar tidak suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi dan sebanyak 1.6 peratus pelajar yang sangat tidak suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi semasa tingkatan satu.

Data di atas memperlihatkan sebanyak 81.5 peratus pelajar tingkatan satu suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi berbanding

dengan 18.5 peratus sahaja pelajar tidak suka membaca buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi. Ini bererti pelajar tingkatan satu masih berminat membaca buku-buku, majalah dan akhbar bertulisan jawi.

a) Pencapaian Jawi Mengikut Jantina

Pencapaian jawi mengikut jantina akan diperolehi daripada subsoalan kajian 4(a) iaitu adakah terdapat perbezaan pencapaian jawi antara jantina?. Untuk menjawab soalan kajian ini dibuat perbandingan min markat pencapaian jawi antara jantina seperti dalam jadual 4.17 di bawah.

Jadual 4.17

Perbandingan Min Markat Pencapaian Jawi Antara Jantina

Pencapaian Jawi	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
Min	68.33	73.76
Sisihan lazim	21.47	27.21
Median	67.0	85.50
Minimum	30.0	24.0
Maksimum	100.0	100.0
<hr/>		
Jumlah	N=30	N=30
<hr/>		

Jadual 4.17 menunjukkan min markat pencapaian ujian jawi pelajar lelaki ialah 68.33, manakala min markat pelajar perempuan dalam ujian jawi ialah 73.76.

Jadual di atas menunjukkan min markat ujian jawi pelajar perempuan lebih tinggi iaitu 73.76 berbanding dengan min pencapaian jawi pelajar lelaki iaitu 68.33, tetapi terdapat perbezaan yang kecil. Ini dijelaskan oleh ujian t dalam jadual di bawah.

Jadual 4.18

Perbandingan Min Markat Pencapaian Jawi Antara Jantina Mengikut Ujian T

Jantina									
Lelaki (N=30)		Perempuan (N=30)							
Min	S.L	Min	S.L	Beza	Min	Nilai t	Probabiliti		
68.33	21.47	73.76	27.21	5.43	.86	.394	(t.s.)		

Nota: S.L= Sisihan lazim (t.s) = Tidak signifikan

Jadual 4.18 menunjukkan min pencapaian jawi bagi pelajar lelaki ialah 68.33 dan min pencapaian jawi bagi pelajar perempuan ialah 73.76.

Data di atas menunjukkan terdapat sedikit perbezaan min pelajar lelaki dan pelajar perempuan tetapi perbezaan antara keduanya tidak signifikan. Ini bererti perbezaan kebolehan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah terlalu kecil.

**b) Suka Belajar Jawi dan Hubungannya
Dengan Penguasaan Membaca Al-Quran**

Subsoalan kajian 4(b) iaitu adakah terdapat hubungan suka belajar pelajaran jawi dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?. Untuk menjawab soalan kajian tersebut dibuat perbandingan min markat antara pencapaian tajwid bertulis, pencapaian sebutan, tajwid bacaan dan pencapaian jawi dengan suka belajar pelajaran jawi seperti yang terdapat dalam Jadual 4.19.

Jadual 4.19

**Perbandingan Min Markat Pencapaian
Dengan Suka Belajar Pelajaran Jawi Mengikut Ujian T**

Suka Belajar Jawi							
Kurang suka (N=45)	Sangat suka (N=15)						
Tajwid Bertulis							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
45.53	28.38	73.93	22.73	-28.40	-3.92	.000 (s)	
Pencapaian Sebutan							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
50.05	24.88	70.52	23.09	-20.47	-2.91	.007 (s)	
Tajwid Bacaan							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
44.91	24.95	68.07	23.99	-23.16	-3.20	.004 (s)	
Pencapaian Jawi							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
63.84	23.68	92.66	25.30	-28.82	-6.71	.000(s)	

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Jadual di atas menunjukkan min markat pencapaian ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang kurang suka belajar pelajaran jawi ialah 45.53 dan min markat pencapaian ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang sangat suka belajar pelajaran jawi ialah 73.93.

Data analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$. Ini bererti pelajar yang tinggi dalam ujian tajwid bertulis adalah pelajar yang sangat suka belajar pelajaran jawi. Data di atas menampakkan kaitan yang jelas antara ujian tajwid bertulis dengan minat pelajar belajar pelajaran jawi.

Jadual 4.19 tersebut juga menunjukkan min markat pencapaian sebutan huruf bagi pelajar yang kurang suka belajar jawi ialah 50.05 dan min markat pencapaian sebutan huruf bagi pelajar yang sangat suka belajar jawi ialah 70.52.

Data di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min dua kumpulan pelajar yang kurang suka belajar pelajaran jawi dengan kumpulan pelajar yang sangat suka belajar pelajaran jawi pada aras $P > .05$.

Data di atas juga menunjukkan min markat pencapaian tajwid bacaan bagi pelajar yang kurang suka belajar jawi ialah 44.91, dan min markat pencapaian tajwid bacaan bagi pelajar yang sangat suka belajar jawi ialah 68.07. Data ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang besar antara dua

kumpulan tersebut sebanyak -23.16 dan memperlihatkan perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$.

Manakala dalam min markat pencapaian jawi bagi pelajar yang kurang suka belajar pelajaran jawi mempunyai min sebanyak 63.84 berbanding dengan pelajar yang sangat suka belajar jawi mempunyai min sebanyak 92.66. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang besar dan signifikan pada aras $P > .05$.

Analisis di atas menunjukkan pelajar yang kurang suka belajar jawi lebih kerap (tinggi) melakukan kesalahan sebutan, kesalahan dalam tajwid bertulis dan tajwid bacaan, berbanding dengan pelajar yang sangat suka belajar jawi, mereka kurang melakukan kesalahan sebutan, baik dalam tajwid bacaan dan tajwid bertulis.

c) Sukar Mempelajari Jawi dan Hubungannya Dengan Penguasaan Membaca Al-Quran

Sukar mempelajari jawi akan dijawab melalui subsoalan kajian 4(c) iaitu adakah terdapat hubungan sukaran mempelajari tulisan jawi dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran?. Untuk menjawab subsoalan kajian di atas dibuat perbandingan min markat pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan dan pencapaian sebutan dengan sukar mempelajari tulisan jawi seperti yang terdapat dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20

**Perbandingan Min Markat Pencapaian
Dengan Sukar Mempelajari Tulisan Jawi**

Sukar Mempelajari Tulisan Jawi	
Tidak Sukar (N=36)	Sangat Sukar (N=24)
Markah Tajwid Bertulis	
Min 63.47	S.L. 29.07
Min 36.37	S.L. 22.45
Beza Min -27.1	Nilai t -4.6
	Probabiliti .001(s)
Markah Tajwid Bacaan	
Min 61.98	S.L. 21.68
Min 33.77	S.L. 24.28
Beza Min -28.21	Nilai t 4.06
	Probabiliti .000 (s)
Markah Pencapaian Sebutan	
Min 65.93	S.L. 20.99
Min 39.03	S.L. 24.28
Beza Min -26.90	Nilai t -4.43
	Probabiliti .000(s)

Nota : S.L.= Sisihan lazim (s) = Signifikan $P>.05$

Jadual 4.20 menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mengatakan tidak sukar mempelajari tulisan jawi ialah 63.47 dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang mengatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi ialah 36.37

Analisis data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan pelajar tersebut pada aras $P>.05$.

Jadual di atas juga menunjukkan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang mengatakan tidak sukar mempelajari tulisan jawi ialah 61.98 dan pelajar yang mengatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi ialah 21.68

min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang mengatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi ialah 33.77.

Analisis data dalam ujian tajwid bacaan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P>.05$.

Jadual tersebut juga menunjukkan min markat pencapaian sebutan huruf bagi pelajar yang mengatakan tidak sukar mempelajari tulisan jawi ialah 65.93, dan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang mengatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi ialah 39.03.

Dari analisis data di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan pelajar yang mengatakan tidak sukar mempelajari tulisan jawi dan yang mengatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi pada aras $P>.05$. Ini bererti pelajar yang mengatakan tidak sukar mempelajari tulisan jawi mendapat markat yang tinggi iaitu sebanyak 65.93 peratus berbanding dengan pelajar yang mengatakan sangat sukar mempelajari tulisan jawi hanya mendapat sebanyak 39.03 peratus.

Dari analisis data di atas menampakkan hubungan antara sukar mempelajari tulisan jawi dengan markat pencapaian dalam kemahiran membaca Al-Quran.

d) **Markat Ujian Jawi Tahun Enam dan Hubungannya Dengan Penguasaan Membaca Al-Quran**

Markat ujian jawi tahun enam dan hubungannya dengan penguasaan membaca Al-Quran akan diperolehi melalui subsoalan kajian 4(d) iaitu adakah terdapat hubungan markat ujian jawi tahun enam dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran tingkatan satu?. Untuk menjawab soalan tersebut dibuat perbandingan min markat pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan, pencapaian sebutan dan pencapaian jawi dengan markat ujian jawi tahun enam seperti dalam Jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Markat Ujian Jawi Tahun Enam

Markat Ujian Jawi							
Lemah dan Sederhana	Baik dan Cemerlang						
(N=15)	(N=45)						
Markat Tajwid Bertulis							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
28.53	21.69	60.66	27.62	-32.13	-4.62	.000 (s)	
Markat Tajwid Bacaan							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
32.63	24.05	56.72	24.70	-24.1	-3.34	.003(s)	
Markat Sebutan							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
37.89	24.05	60.93	24.00	-23.04	-3.21	.004 (s)	
Pencapaian Jawi							
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
47.06	21.02	79.04	19.99	-31.98	-5.16	.000 (s)	

Nota: S.L.= Sisihan lazim

s = Signifikan P>.05

Jadual 4.21 di atas menunjukkan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam lemah dan sederhana ialah 28.53 dan min markat ujian tajwid bertulis bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam baik dan cemerlang ialah 60.66.

Data analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua min markat ujian tajwid bertulis bagi dua kumpulan pelajar di atas pada aras $P > .05$.

Jadual tersebut juga menunjukkan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam sederhana dan lemah ialah 32.63, dan min markat ujian tajwid bacaan bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam baik dan cemerlang ialah 56.72.

Data analisis memperlihatkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$. Data di atas juga memperlihatkan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam sederhana dan lemah ialah 37.89 dan min markat pencapaian sebutan bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam baik dan cemerlang ialah 60.93. Data di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$.

Jadual tersebut juga menunjukkan min markat pencapaian jawi bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun enam sederhana dan lemah ialah 47.06 dan min markat pencapaian jawi bagi pelajar yang markat ujian jawi tahun

enam baik dan cemerlang ialah 79.04. Data memperlihatkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$.

Daripada data-data yang dibentangkan di atas, bererti pelajar yang baik markat ujian tajwid bertulis, ujian tajwid bacaan, pencapaian sebutan dan pencapaian jawi ialah pelajar yang mendapat cemerlang dalam markat ujian mata pelajaran jawi tahun enam. Ini memberi gambaran terdapat hubungan antara markat ujian jawi tahun enam dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran semasa di tingkatan satu.

e) Kebolehan dalam Pencapaian Jawi dan Hubungannya Dengan Kemahiran Membaca Al-Quran

Kebolehan dalam pencapaian jawi dan hubungannya dengan kemahiran membaca Al-Quran akan diperolehi melalui subsoalan kajian 4(e) iaitu adakah terdapat hubungan kebolehan dalam pencapaian jawi dengan pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan dan pencapaian sebutan di kalangan pelajar tingkatan satu?. Untuk menjawab subsoalan kajian di atas perbandingan min dibuat antara markat pencapaian jawi dengan min markat pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan dan pencapaian sebutan seperti dalam Jadual 4.22 di bawah.

Jadual 4.22

Perbandingan Min Markat Pencapaian Jawi Dengan
Min Markat Pencapaian Ujian Tajwid Bacaan Mengikut Ujian T

Min Markat Pencapaian Jawi (N=60)	Min Markat Pencapaian Tajwid Bacaan (N=60)	Min	S.L	Min	S.L	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
71.05	24.46	50.70	26.52	20.34		7.10	.000	(s)

Nota: S.L.=Ssisihan lazim s = Signifikan $P>.05$

Jadual 4.22 di atas menunjukkan min markat pencapaian jawi ialah 71.05 peratus dan min markat pencapaian ujian tajwid bacaan ialah 50.70 peratus. Data di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada $P>.05$.

Data di atas menunjukkan min markat pencapaian jawi lebih tinggi berbanding dengan min markat pencapaian ujian tajwid bacaan. Walau pun terdapat perbezaan min antara dua item tersebut, namun kedua item itu mempunyai hubungan seperti yang telah dibentangkan dalam jadual di atas. Ini kemungkinan pelajar yang rendah dalam ujian tajwid bacaan disebabkan kurang latihan membaca Al-Quran di rumah atau pun latihan membaca Al-Quran di sekolah.

Jadual 4.23

**Perbandingan Min Markat Pencapaian Jawi Dengan
Min Markat Pencapaian Sebutan Mengikut Ujian T**

Min Markat Pencapaian Jawi (N=60)		Min Markat Pencapaian Sebutan (N=60)		Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Min	S.L.	Min	S.L.			
71.05	24.45	55.17	25.84	15.87	5.5	.000 (s)

Nota: S.L.= Sisihan lazim s = Signifikan $P > .001$.

Jadual di atas menunjukkan min markat pencapaian jawi ialah 71.05 peratus dan min markat pencapaian sebutan ialah 55.17 peratus. Nilai t ialah 5.51 dan terdapat perbezaan yang signifikan. Ini bererti sepatutnya pelajar yang tinggi dalam ujian jawi juga tinggi dalam pencapaian sebutan. Namun begitu ada kemungkinan sebab-sebab lain yang boleh mempengaruhi sebutan seperti kurang mengulang kaji dan membaca Al-Quran di rumah. Walau bagaimana pun nampaknya pencapaian jawi ada mempengaruhi pencapaian sebutan huruf.

Jadual 4.24

Perbandingan Min Markat Pencapaian Jawi Dengan
Min Markat Pencapaian Ujian Tajwid Bertulis

Min Markat Pencapaian Jawi (N=60)	Min Markat Pencapaian Tajwid Bertulis (N=60)					
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
71.05	24.45	52.63	29.61	-18.41	-8.09	.000(s)

Nota: S.L. = Sisihan lazim (s) = Signifikan P>.05

Jadual 4.24 di atas menunjukkan min markat pencapaian jawi ialah 71.05 dan min markat pencapaian tajwid bertulis ialah 52.63. Data memperlihatkan min pencapaian jawi lebih tinggi berbanding dengan min pencapaian tajwid bertulis dengan terdapat perbezaan min sebanyak -18.41, dan signifikan pada aras $P>.05$.

Daripada data-data yang ditunjukkan dalam jadual-jadual di atas nampaknya kebolehan dalam jawi mempengaruhi pencapaian pelajar dalam membaca Al-Quran.

E. RUMUSAN ANALISIS

Sebagai rumusan analisis dibentangkan ujian t, analisis secara regresi berganda dan korelasi secara keseluruhan sebagai menyokong analisis data yang telah dibentangkan dalam menjawab soalan-soalan kajian di atas.

a. **Analisis Ujian-T Antara Pembolehubah Bebas Dengan Pencapaian Tajwid Bertulis, Tajwid Bacaan, Sebutan dan Jawi**

Satu daripada tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui perbezaan pencapaian pelajar dari segi latar belakang pendidikan, sosioekonomi dan perbezaan jantina, dengan kemahiran membaca Al-Quran. Untuk analisis data dalam bahagian ini Ujian-t digunakan.

Ujian-t untuk membandingkan min markat kumpulan mengikut tamat Muqaddam, lancar baca akhbar dan majalah jawi, suka baca buku, majalah dalam tulisan jawi, keputusan ujian bacaan Al-Quran semasa tahun enam, suka belajar tulisan jawi, bila masa tamat membaca Al-Quran, sukar belajar tulisan jawi, markah ujian jawi semasa tahun enam, lancar baca teks jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, masa mula belajar Al-Quran, kawasan tempat tinggal, dorongan keluarga, pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga.

Jadual 4.25

Perbandingan Min Markat Pencapaian Mengikut Ujian T

Lancar Baca Akhbar Dan Majalah Jawi	Tidak lancar	Lancar	Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Markat Tajwid Bertulis									
30.90	18.86		50.21	27.46	-34.31		-5.72	.000 (s)	
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan									
31.57	24.79		61.77	20.71	-30.2		-4.82	.000 (s)	
Markat Pencapaian Sebutan									
36.84	24.79		65.78	20.02	-28.94		-4.67	.000 (s)	
Markat Pencapaian Jawi									
49.04	19.20		83.78	17.02	-34.74		-7.03	.000 (s)	

S.L. = Sisihan lazim s = Signifikan

Data dalam jadual 4.25 menunjukkan Ujian T digunakan untuk membandingkan min markat pencapaian pelajar mengikut lancar baca akhbar dan majalah bertulisan jawi. Nampaknya variabel lancar membaca akhbar dan majalah dalam tulisan jawi mempengaruhi pelajar dalam ke empat-empat pencapaian, iaitu pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan, pencapaian sebutan dan pencapaian jawi dengan menunjukkan perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$.

Jadual 4.26

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan
Suka Baca Buku Dan Majalah Jawi Mengikut Ujian T

Suka Baca Buku dan Majalah Dalam Tulisan Jawi						
Tidak Suka	Suka					
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Markat Pencapaian Tajwid Bertulis						
35.09	17.39	62.78	30.63	-27.69	-4.47	.000 (s)
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan						
41.46	23.67	55.81	27.01	-13.95	-2.09	.042 (s)
Markat Pencapaian Sebutan						
47.12	23.67	59.83	26.19	-12.71	-1.93	.060 (t.s.)
Markat Pencapaian Jawi						
56.09	20.33	79.71	22.56	-23.62	-4.16	.000 (s)

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Jadual 4.26 di atas menunjukkan variabel suka baca buku, majalah dalam tulisan jawi juga mempengaruhi pelajar dalam min markat pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan, pencapaian sebutan dan pencapaian jawi dengan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$.

Jadual 4.27

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan
Keputusan Ujian Al-Quran Tahun Enam

Keputusan Ujian Al-Quran Tahun Enam
Sederhana Cemerlang

Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Markat Pencapaian Tajwid Tulisan						
43.47	28.84	56.25	29.46	-12.78	-1.54	.135 (t.s.)
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan						
34.05	28.95	57.28	22.62	-23.23	-2.97	.007 (s)
Markat Pencapaian Sebutan						
36.84	24.96	62.42	22.61	-25.58	-3.67	.001 (s)
Markat Pencapaian Jawi						
59.64	25.94	75.55	22.58	-15.91	-2.22	.035 (s)

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

t.s. = Tidak signifikan

Data dalam jadual yang dibentangkan di atas juga memperlihatkan variabel keputusan bacaan Al-Quran tahun enam juga mempengaruhi min markat pelajar dalam pencapaian tajwid bacaan, pencapaian sebutan dan pencapaian jawi, dengan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mendapat pangkat sederhana ke bawah dengan pelajar yang mendapat pangkat baik dan cemerlang. Ini bererti pelajar yang mendapat keputusan yang

cererlang dalam ujian bacaan Al-Quran tahun enam menunjukkan pencapaian yang baik juga dalam kemahiran membaca Al-Quran tingkatan satu.

Jadual 4.28

**Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan
Suka Belajar Tulisan Jawi Tahun Enam**

Suka Belajar Tulisan Jawi Semasa Tahun Enam	Sederhana Suka	Sangat Suka
---	----------------	-------------

Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Markat Pencapaian Tajwid Tulisan						
45.53	28.38	73.93	22.73	-28.4	-3.92	.000 (s)
Markat Pencapaian Sebutan						
50.05	24.88	70.52	23.09	-20.47	-2.91	.007 (s)
Markat Pencapaian Jawi						
63.84	23.68	92.66	22.73	-28.82	-6.71	.000 (s)

S.L. = Sisihan lazim s = Signifikan

Jadual 4.28 di atas menunjukkan variabel suka belajar tulisan jawi memperlihatkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang tidak suka belajar tulisan jawi dengan pelajar yang suka belajar tulisan jawi pada aras $P > .05$. Ini bererti pelajar yang suka belajar tulisan jawi menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam kemahiran membaca Al-Quran tingkatan satu berbanding dengan pelajar yang tidak suka belajar tulisan jawi.

Jadual 4.29

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Tamat Muqaddam

		Tamat Muqaddam			
		Tamat tahun 4-6	Tamat Tahun 1-3		
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t
Markat Pencapaian Tajwid Bertulis					
35.37	27.90	58.90	27.94	-23.53	-2.89 .008(s)
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan					
32.23	22.72	57.41	24.73	-25.18	-3.70 .001(s)
Markat Pencapaian Sebutan					
37.50	22.75	61.60	24.04	-24.1	-3.58 .001(s)
Markat Pencapaian Jawi					
54.06	25.25	77.22	21.25	-23.16	-3.27 .001(s)

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Jadual di atas menunjukkan variabel tamat Muqaddam juga memperlihatkan perbezaan yang signifikan pada aras $P>.05$. Ini bererti pelajar yang tamat Muqaddam lebih awal lebih baik dalam pencapaian kemahiran membaca Al-Quran berbanding dengan pelajar yang lambat tamat Muqaddam, mereka rendah dalam pencapaian kemahiran membaca Al-Quran.

Jadual 4.30

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Tamat Al-Quran

		Tamat Al-Quran					
		Belum Tamat					
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
Markat Pencapaian Tajwid Bertulis							
37.70	25.75	64.84	27.14	-27.14	-3.96	.000(s)	
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan							
39.18	25.83	60.12	23.46	-20.9	-3.25	.002(s)	
Markat Pencapaian Sebutan							
44.44	25.83	63.95	22.64	-19.51	-3.07	.003(s)	
Markat Pencapaian Jawi							
55.88	23.35	83.45	17.52	-27.57	-5.07	.000(s)	

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Data di atas juga memperlihatkan variabel tamat membaca Al-Quran juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P>.05$. Ini bererti pelajar yang telah tamat membaca Al-Quran memperolehi pencapaian yang tinggi berbanding dengan pelajar yang masih belum tamat membaca Al-Quran.

Jadual 4.31

Perbandingan Min Markat Pencapaian Dengan Sukar Belajar Tulisan Jawi

Sukar Belajar Tulisan Jawi							
Sangat Sukar	Tidak Sukar						
Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti	
Markat Pencapaian Tajwid tulisan							
36.37	22.45	63.47	29.07	-27.1	-4.06	.000(s)	
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan							
33.77	24.28	61.98	21.68	-28.21	-4.60	.000(s)	
Markat Pencapaian Sebutan							
39.03	24.28	65.93	21.68	-26.90	-4.43	.000(s)	
Markat Pencapaian Jawi							
51.87	21.61	83.83	16.76	31.96	-6.12	.000(s)	

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Jadual di atas menunjukkan variabel sukar belajar tulisan jawi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$. Pelajar yang menyatakan sangat sukar belajar jawi semasa tahun enam menunjukkan pencapaian yang rendah dalam semua pencapaian dalam kemahiran membaca Al-Quran berbanding dengan pelajar yang menyatakan tidak sukar belajar

tulisan jawi semasa tahun enam mendapat pencapaian yang lebih tinggi dalam semua pencapaian kemahiran membaca Al-Quran.

Jadual 4.32

**Perbandingan Min Markat Pencapaian
Dengan Markat Pelajaran Jawi Tahun Enam**

Markat Pelajaran Jawi Tahun Enam

Lemah	Baik dan Cemerlang
-------	--------------------

Min	S.L.	Min	S.L.	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
<hr/>						
Markat Pencapaian Tajwid Bertulis						
28.53	21.69	66.06	27.61	-32.13	-4.62	.000(s)
<hr/>						
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan						
32.63	24.05	56.72	24.70	-24.1	-3.34	.003(s)
<hr/>						
Markat Pencapaian Sebutan						
37.89	24.05	60.93	24.00	-23.04	-3.21	.004(s)
<hr/>						
Markat Pencapaian Jawi						
47.06	21.02	79.04	19.99	-31.98	-5.16	.000(s)

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Jadual di atas menunjukkan variabel markah jawi semasa tahun enam memperlihatkan perbezaan yang signifikan pada aras $P > .05$. Ini bererti pelajar yang mendapat markah baik dan cemerlang dalam pelajaran jawi tahun enam

juga menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam kemahiran membaca Al-Quran semasa tingkatan satu.

Jadual 4.33

**Perbandingan Min Markat Pencapaian
Dengan Lancar Baca Teks Jawi Pendidikan Islam**

Lancar Baca Teks Jawi Pendidikan Islam tahun Enam

Sangat Sukar Lancar

Min	S.I	Min	S.L	Beza Min	Nilai t	Probabiliti
Markat Pencapaian Tajwid Bertulis						
21.66	10.56	62.95	26.55	-41.29	-8.59	.000(s)
Markat Pencapaian Tajwid Bacaan						
24.21	20.46	59.53	22.15	-35.32	-5.67	.000(s)
Markat Pencapaian Sebutan						
29.47	20.46	63.74	21.50	-34.27	-5.55	.000(s)
Markat Pencapaian Jawi						
41.40	13.11	80.93	18.64	-39.53	-9.02	.000(s)

S.L. = Sisihan lazim

s = Signifikan

Data di atas menunjukkan lancar membaca teks jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam memperlihatkan perbezaan yang signifikan dalam ke empat-empat pencapaian di atas pada aras $P > .05$. Ini bererti pelajar yang

menyatakan lancar membaca teks jawi dalam Pendidikan Islam juga menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam kemahiran membaca Al-Quran. Manakala pelajar yang tidak lancar membaca teks jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menunjukkan pencapaian yang rendah dalam semua aspek kemahiran membaca Al-Quran.

b. Faktor Dorongan Ibu Bapa Dalam Membaca Al-Quran

Faktor dorongan ibu bapa adalah satu elemen penting dalam pembelajaran Al-Quran. Untuk melihat peratusan dorongan ibu bapa akan diperolehi dalam jadual di bawah. Jadual 4.34 menunjukkan taburan peratusan dorongan ibu bapa dalam mempelajari Al-Quran.

Jadual 4.34

Taburan Peratusan Dorongan Ibu Bapa Dalam Mempelajari Al-Quran

Dorongan ibu bapa	Kekerapan	Peratus
Selalu	36	60.0
Kerap	9	15.0
Kadang-kadang	11	18.3
Jarang sekali	4	6.6
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.34 menunjukkan sebanyak 60 peratus ibu bapa selalu mendorong anak-anak mempelajari Al-Quran, 15 peratus ibu bapa kerap mendorong anak-anak mempelajari Al-Quran, 18.3 peratus yang kadang-kadang mendorong anak-anak mempelajari Al-Quran dan 6.6 peratus ibu bapa yang jarang sekali mendorong anak-anak mempelajari Al-Quran.

Daripada data di atas jelas menunjukkan ibu bapa selalu memberi dorongan kepada anak-anak mereka untuk mempelajari Al-Quran. Namun begitu timbul persoalan kenapa masih ramai di kalangan anak-anak yang masih lemah membaca Al-Quran. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka lemah. Untuk menjawab persoalan ini lihat jadual-jadual lain dalam maklumat sampel.

Jadual 4.35

Pecahan Sampel Mengikut Bila Mula Belajar Membaca Al-Quran

Bila mula belajar Al-Quran	Kekerapan	Peratus
Dari umur 6 tahun ke bawah	16	26.6
Seterah masuk sekolah rendah	44	73.4
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.35 menunjukkan sebanyak 26.6 peratus pelajar mula belajar Al-Quran dari umur 6 tahun ke bawah, dan sebanyak 73.4 peratus pelajar mula belajar Al-Quran setelah masuk ke sekolah rendah.

Data menunjukkan masih ramai pelajar belum mendapat pendedahan awal belajar Al-Quran. Ini kemungkinan satu daripada punca kelemahan dalam membaca Al-Quran apabila mereka lambat mendapat bimbingan awal dalam membaca Al-Quran.

Jadual 4.36

Pecahan Sampel Mengikut Masa Tamat (khatam) Al-Quran

Masa tamat Al-Quran	Kekerapan	Peratus
Semasa tahun 1 hingga tahun 3	5	8.3
Semasa tahun 4 hingga tahun 6	28	46.6
Belum tamat	27	45.0
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.36 menunjukkan sebanyak 8.3 peratus pelajar telah tamat Al-Quran semasa tahun satu hingga tahun enam, 46.6 peratus tamat semasa tahun empat hingga tahun enam dan 45 peratus masih belum tamat Al-Quran.

Data menunjukkan masih ramai dari kalangan pelajar tingkatan satu belum tamat lagi membaca Al-Quran. Ini bererti mereka masih perlu

mempelajari Al-Quran, sedangkan sebahagian besar daripada mereka telah menjangkau umur baliqh yang mewajibkan mereka mengetahui dan mengamalkan hukum-hukum Islam dengan betul khususnya bacaan-bacaan wajib dalam solat. Jika mereka berhenti dari mempelajari bacaan Al-Quran, tentulah mereka mengalami masalah dalam membaca, masalah dalam sebutan huruf dan masalah dalam mengamalkan hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam ayat-ayat Al-Quran.

Jadual 4.37

**Taburan Peratusan Masa Membaca Al-Quran Di rumah
Sepanjang Tiga Bulan Yang Lepas**

Masa membaca	Kekerapan	Peratus
Setiap selepas maghrib	43	71.6
Waktu pagi/petang tiap hari	10	16.6
Seminggu sekali	4	6.6
Jarang sekali	3	5.2
Tak pernah	-	-
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.37 menunjukkan sebanyak 71.6 peratus pelajar membaca Al-Quran di rumah setiap malam selepas maghrib, 16.6 peratus pelajar membaca Al-Quran pada waktu pagi dan petang setiap hari, 6.6 peratus pelajar membaca Al-Quran seminggu sekali dan hanya 5.2 peratus pelajar yang jarang sekali membaca Al-Quran.

Jadual 4.38

Taburan Peratusan Keputusan Bacaan Al-Quran
Dalam Ujian Tahun Enam

Keputusan Ujian	Kekerapan	Peratus
Cemerlang	3	5.0
Baik	40	66.6
Sederhana	15	25.0
Lulus	2	3.4
Gagal	0	0
Jumlah	60	100.0

Jadual 4.38 di atas menunjukkan sebanyak 5 peratus pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam ujian tahun enam, 66.6 peratus mendapat keputusan baik, 25 peratus mendapat keputusan sederhana dan 3.4 peratus pelajar mendapat keputusan lulus.

Daripada jadual-jadual di atas menunjukkan dorongan ibu bapa dalam mempelajari Al-Quran, masa mereka mula belajar Al-Quran, masa tamat mengulangkaji membaca Al-Muqaddam, masa tamat Al-Quran, masa mereka mengulangkaji membaca Al-Quran, dan keputusan bacaan Al-Quran dalam tahun enam. Data-data tersebut di atas untuk mendapat maklumat mengenai kebolehan pelajar dalam membaca Al-Quran.

c. **Korelasi Antara Variabel Bebas Dengan Variabel Bersandar Dalam Kemahiran Membaca Al-Quran**

Korelasi ialah satu cara analisis data untuk melihat kaitan atau hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Untuk menilai sesuatu pembolehubah itu ada hubungan atau tidak, perlu dinilai hasil korelasi itu sama ada bererti (signifikan) atau tidak dengan melihat aras signifikannya. Untuk melihat korelasi tersebut Jadual 4.39 menunjukkan hubungan antara satu variabel dengan variabel yang lain.

Jadual 4.39

Korelasi Antara Tajwid Bertulis Dengan Pencapaian Jawi, Tajwid Bacaan dan Pencapaian Sebutan

Korelasi	Tajwid Bertulis	Pencapaian Jawi	Tajwid Bacaan	Pencapaian Sebutan
Tamat Muqaddam	.2770	.2753	.4185**	-.3824*
Tamat Al-Quran	.4806**	.5289**	.3958**	-.3448*
Keputusan Al-Quran	.1896	3286*	.4608**	-.5046**
Suka Jawi	.4655**	.5155**	.3943**	-.3775*
Sukar Jawi	-.4283**	-.6529**	-.4973**	.4855**
Markah Jawi	.5042**	.5785**	.4356**	-.4311**
Baca teks Jawi	.5570**	.6871**	.5430**	-.5454**
Baca akhbar Jawi	.4715**	.6352**	.4770**	-.4700**
Suka baca Akhbar	.4414**	.4636**	.2338	-.2203

sebanyak -.38 adalah dalam hubungan sederhana tinggi. Korelasi pencapaian tajwid bertulis dengan tamat Muqaddam sebanyak .48 adalah mempunyai hubungan yang tinggi, manakala pencapaian jawi dengan tamat Al-Quran sebanyak .52 adalah mempunyai hubungan yang tinggi.

Dalam pencapaian tajwid bacaan dengan tamat Al-Quran sebanyak .39, pencapaian sebutan dengan masa tamat Al-Quran sebanyak -.34. Manakala korelasi antara pencapaian jawi dengan keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam sebanyak .32, pencapaian tajwid bacaan dengan keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam sebanyak .46 adalah hubungan yang sederhana tinggi. Pencapaian sebutan dengan keputusan ujian bacaan Al-Quran tahun enam sebanyak -.50 adalah hubungan yang tinggi.

Dalam pencapaian tajwid bertulis dengan variabel suka belajar pelajaran jawi tahun enam korelasi sebanyak .46, manakala pencapaian jawi dengan suka belajar pelajaran jawi tahun enam sebanyak .51. Dalam pencapaian tajwid bacaan dengan suka belajar pelajaran jawi tahun enam sebanyak .39, dan pencapaian sebutan dengan suka belajar pelajaran jawi sebanyak -.37 adalah hubungan yang sederhana .

Data juga menunjukkan korelasi pencapaian tajwid bertulis dengan pembolehubah bebas sukar belajar tulisan jawi semasa tahun enam sebanyak -.42, dan pencapaian jawi dengan sukar belajar tulisan jawi tahun enam .42, dan pencapaian jawi dengan sukar belajar tulisan jawi tahun enam -.65. Manakala pencapaian mempunyai hubungan yang tinggi iaitu sebanyak -.65. Manakala pencapaian

tajwid bacaan dengan sukar belajar tulisan jawi tahun enam sebanyak -.49, dan pencapaian sebutan dengan sukar belajar tulisan jawi tahun enam ialah sebanyak .48 adalah hubungan yang sederhana tinggi.

Korelasi pencapaian tajwid bertulis dengan markah ujian jawi tahun enam ialah sebanyak .50, dan pencapaian jawi dengan markah ujian jawi tahun enam sebanyak .57, manakala pencapaian tajwid bacaan dengan markah ujian jawi tahun enam ialah .43, dan pencapaian sebutan dengan markah ujian jawi tahun enam ialah sebanyak -.43.

Korelasi pencapaian tajwid bertulis dengan lancar membaca teks jawi ialah sebanyak .55, manakala pencapaian jawi dengan lancar membaca buku teks jawi tahun enam ialah sebanyak .68. Ini bererti ada hubungan yang tinggi. Manakala pencapaian tajwid bacaan dengan lancar membaca teks jawi ialah sebanyak .54 dan pencapaian sebutan dengan lancar membaca teks jawi tahun enam ialah -.54 adalah hubungan yang sederhana tinggi.

Korelasi pencapaian tajwid bertulis dengan lancar membaca akhbar jawi semasa tahun enam ialah sebanyak .47, dan pencapaian jawi dengan lancar membaca akhbar jawi semasa tahun enam ialah sebanyak .63 adalah mempunyai hubungan yang tinggi. Manakala pencapaian tajwid bacaan dengan lancar membaca akhbar jawi tahun enam ialah sebanyak -.47.

Korelasi pencapaian tajwid bertulis dengan suka membaca majalah dan akhbar ialah sebanyak .44 dan pencapaian jawi dengan suka membaca akhbar ialah sebanyak .44

majalah dan akhbar jawi ialah .46 adalah mempunyai hubungan yang sederhana tinggi.

Daripada data yang dibentangkan di atas, semuanya mempunyai hubungan korelasi yang signifikan ** pada aras .001 dan * pada aras .01.

d. Analisis Regresi Berganda

Analisis regresi berganda adalah digunakan untuk menguji hubungan atau pengaruh pembolehubah-pemboleuh ubah bebas yang diandaikan sebagai peramal terhadap pembolehubah bersandar atau kriterium yang ditetapkan. Peramal-peramal seperti $X_1, X_2, X_3 \dots X_k$ di gunakan dalam persamaan untuk meramalkan kriterium Y. Tiap-tiap satu peramal persamaan tersebut adalah dikaitkan dengan pemberat yang tersendiri. Persamaan ramalan yang diperolehi adalah seperti berikut:

$$Y' = a + B_1X_1 + B_2X_2 + \dots + B_kX_k$$

Y' ialah nilai ramalan yang dihasilkan oleh kombinasi peramal-peramal, dan angkatetap (a) ialah intersep Y. Seterusnya B_1 ialah koefisien regresi separa, dan X ialah pembolehubah peramal. Oleh itu $B_1, X_1, B_2, X_2, \dots, B_k, X_k$ adalah peramal-peramal yang pemberatnya digunakan untuk meramal nilai Y'. Persamaan yang dibentangkan itu juga boleh menggunakan pemberat beta, iaitu koefisien regresi separa yang telah dipiawaikan.

Markat-markat (Y') yang dihasilkan oleh persamaan ramalan tersebut ialah markat sebenar iaitu markat Y . Pertalian di antara markat sebenar dengan markat yang diramalkan (Y dan Y') adalah di tunjukkan oleh Korelasi R Berganda (Multiple R).

Kaedah analisis yang digunakan untuk prosesan ini ialah Regresi Berganda Stepwise atau langkah demi langkah. Mengikut kaedah ini, peramal adalah digunakan satu demi satu. Setiap langkah di mana sesuatu peramal dimasukkan, sumbangannya terhadap Y' dicatatkan oleh komputer. Kaedah ini ialah ulang penilaian setelah berakhir satu langkah, tujuannya untuk menentukan sumbangan peramal-peramal dalam satu kombinasi. Ulang penilaian yang dilakukan mungkin mendedahkan satu keadaan di mana peramal yang pertama tidaklah diperlukan lagi dalam persamaan ramalan disebabkan oleh sumbangan peramal-peramal lain yang menyusulinya. Dengan itu apa yang penting dalam ulang penilaian ialah pertalian di antara peramal dalam satu kombinasi, dan sebanyak mana sumbangan tiap-tiap satu peramal adalah unik.

Langkah akhir dalam analisis Regresi berganda ialah mewujudkan satu gambaran mengenai sumbangan peramal-peramal. Hanya peramal atau kombinasi peramal-peramal yang sumbangannya signifikan sahaja yang dibentangkan dalam jadual data.

Pembolehubah-pembolehubah yang dipilih sebagai peramal di dalam setiap kombinasi peramal-peramal adalah berasaskan andaian kepentingan dan pertaliannya dengan kriterium mengikut urutan 1,2,3. Huraian mengenai peramal-peramal adalah dijelaskan di dalam jadual analisis regresi berganda yang dibentangkan.

I. Regresi Berganda Pencapaian Tajwid Bertulis Sebagai Kriterium

Analisis Regresi Berganda yang ditumpukan dalam bahagian ini ialah untuk menghasilkan persamaan ramalan ke atas kriterium pencapaian tajwid bertulis. Pembolehubah bebas atau peramal-peramal yang digunakan ialah sebanyak 17 peramal yang telah dihasilkan melalui analisis regresi.

Peramal-peramal yang dipilih adalah disenaraikan seperti berikut:

1. Pendidikan bapa, iaitu peringkat pendidikan tertinggi bapa.
2. Pendidikan ibu, iaitu peringkat tertinggi pendidikan ibu.
3. Pendapatan keluarga, iaitu pendapatan sebulan ibu bapa/penjaga.
4. Dorongan ibu bapa iaitu dorongan ibu bapa dalam mempelajari Al-Quran.
5. Mula belajar Al-Quran iaitu bila mula mempelajari Al-Quran.
6. Tamat Muqaddam iaitu bila masa tamat Muqaddam.
7. Tamat al-Quran iaitu bila masa tamat Al-Quran.
8. Masa baca Al-Quran di rumah.

9. Keputusan bacaan Al-Quran tahun enam.
10. Suka pelajaran jawi iaitu suka mempelajari pelajaran jawi.
11. Sukar jawi iaitu adakah pelajar mendapati sukar belajar pelajaran jawi.
12. Markah jawi iaitu markah ujian jawi tahun enam.
13. Baca teks jawi iaitu suka membaca buku teks yang ditulis dalam tulisan jawi.
14. Suka baca akhbar jawi.
15. Suka baca buku, majalah dalam tulisan jawi.
16. Jantina iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
17. Kawasan tempat tinggal pelajar.

Setelah diproses didapati empat daripada peramal dalam kombinasi peramal yang disenaraikan di atas memberi sumbangan yang signifikan ke atas varian Y, iaitu pencapaian tajwid bertulis. Data dibentangkan di dalam Jadual 4.40.

Jadual 4.40

Analisis Regresi Berganda (Stepwise Regression)
Menggunakan Pencapaian Tajwid Bertulis Sebagai Kriterium

Peramal	Multiple R	R Square	Adjusted R Square	Beta
Lancar baca akhbar dan majalah jawi	.525	.276	.263	.304
Suka belajar jawi	.602	.362	.077	.291
Markah pencapaian jawi tahun 6	.638	.407	.035	.292
Mula belajar Al-Quran	.671	.450	.034	-.218

Jadual 4.40 menunjukkan beta ialah pemberat standard yang memperlihatkan sumbangan peramal-peramal yang signifikan. Jadual di atas menunjukkan beta bagi peramal lancar baca akhbar dan majalah jawi tahun enam ialah sebanyak .304 dan beta bagi peramal suka belajar pelajaran jawi tahun enam ialah .291 dan beta bagi peramal markah pencapaian jawi tahun enam ialah sebanyak .292 dan beta bagi peramal masa mula belajar Al-Quran ialah -.218.

Daripada data yang dibentangkan di atas, lancar baca akhbar dan majalah jawi tahun enam adalah peramal yang terbaik untuk pencapaian tajwid bertulis dan dapat menyumbangkan sebanyak 26 peratus daripada jumlah varian untuk pencapaian tajwid bertulis. Manakala 14 peratus lagi daripada jumlah varian adalah disumbangkan oleh peramal-peramal lain iaitu suka

belajar pelajaran jawi tahun enam, markah pencapaian jawi tahun enam dan masa mula belajar Al-Quran.

Analisis regresi berganda dalam pencapaian tajwid bertulis ini menyokong dapatan dalam korelasi dan ujian-t, dimana keempat-empat peramal di atas mempunyai hubungan yang tinggi dan signifikan.

ii. Analisis Regresi Berganda Menggunakan Pencapaian Tajwid Bacaan Sebagai Kriterium

Analisis regresi berganda yang dilakukan dalam bahagian ini ialah untuk menghasilkan ramalan ke atas kriteria pencapaian tajwid bacaan. Pembolehubah bebas atau peramal-peramal yang digunakan sama seperti dalam Jadual 4.40.

Jadual 4.41

Analisis Regresi Berganda Menggunakan Pencapaian Tajwid Bacaan Sebagai Kriterium

Peramal	Multiple R	R Square	Adjusted R Square	Beta
Lancar baca akhbar dan majalah jawi tahun 6	.598	.358	.347	.372
Masa tamat Muqaddam	.639	.408	.040	.242
Sukar belajar tulisan jawi	.676	.458	.041	.263

Data di atas menunjukkan tiga peramal telah memberi sumbangan yang signifikan ke atas pencapaian tajwid bacaan. Analisis di atas menunjukkan beta bagi peramal lancar baca akhbar dan majalah jawi tahun enam ialah sebanyak .372, beta bagi peramal masa tamat Muqaddam ialah sebanyak .242, beta bagi peramal sukar belajar tulisan jawi tahun enam .263.

Data di atas menunjukkan lancar baca akhbar dan majalah jawi tahun enam adalah peramal terbaik untuk pencapaian tajwid bacaan dan dapat menyumbangkan sebanyak 35 peratus daripada jumlah varian untuk pencapaian tajwid bacaan. Manakala sebanyak 8 peratus lagi daripada jumlah varian disumbangkan oleh peramal tamat Muqaddam dan sukar belajar tulisan jawi.

Dapatan di atas menunjukkan regrasi berganda ini menyokong dapatan dalam ujian-t dan korelasi.

III. Analisis Regresi Berganda Menggunakan Pencapaian Sebutan Sebagai Kriterium

Analisis regresi berganda yang dilakukan dalam bahagian ini ialah untuk menghasilkan ramalan ke atas kriterium iaitu pencapaian sebutan huruf. Pembolehubah bebas atau peramal-peramal yang digunakan sama seperti dalam Jadual 4.41.

Jadual 4.42

**Analisis Regresi Berganda Menggunakan
Pencapaian Sebutan Huruf Sebagai Kriterium**

Peramal	Multiple R	R Square	Adjusted R Square	Beta
Lancar baca teks jawi	.545	.297	.285	-.359
Keputusan bacaan Al-Quran	.610	.372	.065	-.273
Tamat Muqaddam	.650	.423	.041	-.233

Data di atas menunjukkan tiga peramal telah memberi sumbangan yang signifikan ke atas pencapaian sebutan huruf. Analisis data menunjukkan beta bagi peramal lancar baca teks tulisan jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sebanyak -.359 dan beta bagi keputusan bacaan Al-Quran tahun enam sebanyak -.273 dan beta bagi peramal masa tamat Muqaddam sebanyak -.233.

Dapatan juga menunjukkan lancar baca teks jawi dalam Pendidikan Islam adalah sebagai peramal yang terbaik untuk pencapaian sebutan dan menyumbang sebanyak 29 peratus daripada jumlah varian untuk pencapaian sebutan huruf. Manakala 11 peratus lagi daripada varian disumbangkan oleh peramal-peramal yang lain iaitu keputusan bacaan Al-Quran tahun enam dan tamat Muqaddam.

Dapatan di atas memperlihatkan regrasi berganda ini menyokong dapatan dalam ujian-t dan korelasi.

iv. Analisis Regresi Berganda menggunakan Pencapaian Jawi Sebagai Kriterium

Analisis regresi berganda yang dilakukan dalam bahagian ini ialah untuk meramalkan pembolehubah bebas yang mana banyak memberi sumbangan kepada pencapaian jawi sebagai kriterium.

Jadual 4.43

**Analisis Regresi Berganda
Menggunakan Pencapaian Jawi Sebagai Kriterium**

Peramal	Multiple R	R Square	Adjusted	Beta
Lancar baca teks jawi	.687	.472	.463	.404
Sukar belajar jawi	.759	.577	.099	-.361
Jantina	.780	.608	.024	.178
Masa tamat Al-Quran	.797	.636	.022	.194

Data menunjukkan empat peramal di atas yang memberi sumbangan yang signifikan ke atas pencapaian jawi. Daripada analisis data memperlihatkan beta bagi peramal lancar baca teks jawi dalam Pendidikan Islam ialah sebanyak .404 dan beta bagi peramal sukar belajar jawi tahun

enam ialah sebanyak .361 dan beta bagi peramal jantina ialah sebanyak .178 dan beta bagi peramal masa tamat Muqaddam ialah sebanyak .194.

Analisis di atas menunjukkan empat peramal di atas menyumbang sebanyak 61 peratus daripada jumlah varian untuk pencapaian jawi. manakala 39 peratus selebihnya berkemungkinan disumbangkan oleh pembolehubah bebas yang lain yang tidak dapat diterangkan. Keputusan regresi berganda di atas menyokong keputusan dalam ujian t dan korelasi.

F. HASIL PEMERHATIAN DAN TEMUBUAL

Sepanjang kajian dijalankan pengkaji juga telah membuat pemerhatian di samping menjalankan temubual dengan sampel sebelum dan selepas aktiviti pembelajaran Al-Quran dijalankan.

Hasil pemerhatian dan temubual pengkaji dalam aspek membaca Al-Quran didapati pelajar-pelajar tingkatan satu masih pada tahap lemah dalam membaca Al-Quran. Daripada 60 orang pelajar yang dijadikan sampel untuk membaca ayat Al-Quran, sebanyak 40% (24 orang) yang terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak dapat membaca Al-Quran dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh objektif Pendidikan Islam yang dirancang oleh Bahagian Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala 50 % (30 orang) pelajar lagi boleh membaca dengan merangkak (terlalu lambat dan banyak melakukan kesalahan semasa membaca) dan tidak

menepati hukum-hukum tajwid dan sebutan huruf (makhraj) dengan tepat. Manakala 10% (6 orang) sahaja dapat membaca dengan baik dan menepati hukum tajwid dan sebutan.

Dalam pencapaian tajwid bacaan, masih terdapat ramai pelajar iaitu lebih kurang 50% dikalangan pelajar tingkatan satu yang belum menguasai tajwid asas yang dikenali sebagai Hukum Lima oleh ulamak dalam bidang ilmu tajwid iaitu (Ikhfa', Izhar, Idhgam Maal Ghunnah, Idhgam Bila Ghunnah dan Iqlab) sedangkan kemahiran ilmu tajwid ini telah diajar sejak dari sekolah rendah lagi.

Daripada data yang telah dianalisis, dan hasil daripada pemerhatian pengkaji sendiri semasa bacaan Al-Quran dibaca oleh sampel, mendapat sebahagian besar dari pelajar-pelajar masih belum menguasai hukum-hukum tajwid di atas secara amali (praktikal) di dalam bacaan mereka. Ini dapat dikesan semasa ujian bacaan Al-Quran dijalankan. Sebagai contoh dalam ayat 261-262 Surah Al-Baqarah terdapat beberapa hukum tajwid seperti Idhgam Maal Ghunnah dan lain-lain hukum tajwid dalam ayat tersebut. Dalam bacaan Idhgam Maal Ghunnah bagi kalimah yang pertama (بَلِّمَة) mereka tidak membaca secara bertajwid, tetapi dalam kalimah yang kedua mengenai hukum Idhgam Maal Ghunnah, mereka membaca secara bertajwid. Daripada pemerhatian, pengkaji berpendapat sebahagian besar pelajar masih belum mengenali kalimah yang mengandungi hukum-hukum tajwid dan tidak dapat

membezakan satu hukum dengan hukum-hukum yang lain di segi bacaan serta dengung. Kesannya pelajar tidak dapat memperaktikkan bacaan secara bertajwid semasa membaca Al-Quran.

Selain daripada melakukan kesalahan tajwid semasa membaca Al-Quran pelajar-pelajar juga banyak melakukan kesilapan ketika menyebut. Antara kesilapan yang dapat pengkaji kenal pasti ialah silap menyebut baris.

Sebagai contoh kalimah (سُبْلَةٌ) disebut dengan (سِبْلَةٌ), salah sebut huruf, contohnya (حَبَّةٌ) disebut dengan (جَبَّةٌ), membaca tanpa mad pada huruf yang ada mad (وَاسِعٌ) berhenti pada kalimah yang tidak boleh berhenti, mematikan baris yang hidup contohnya kalimah (أَذْكَرُ) disebut dengan mematikan huruf zal (أَذْيَ) , lemah dalam ibtida' dan wakaf, iaitu memulakan dan memberhentikan bacaan tidak pada tempat yang dibenarkan berhenti, dan kadangkala boleh merosakkan makna ayat. Kesalahan yang paling nyata dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan mengenai hukum mad iaitu kadar bacaan panjang, dan kadar bacaan yang pendek. Dalam kesalahan mad lebih kurang 40 peratus daripada pelajar membuat kesilapan dalam membaca hukum mad, dan nampaknya tidak ada keselarasan dalam membaca kalimah yang ada huruf mad (وَهُوَ). Dalam hukum mad terdapat pelajar yang membaca lebih dari dua harakat panjang pada Mad Tabie atau Mad Asli, sedangkan pelajar sepatutnya membaca dengan kadar dua harakat sahaja.

Dalam aspek kelancaran bacaan mengikut bacaan tartil (bacaan sederhana iaitu tidak terlalu cepat dan tidak terlau lambat), sebanyak 40

peratus pelajar lemah dalam bacaan dan tidak lancar, dan sebanyak 50 peratus pelajar membaca dengan sederhana lancar (masih terdapat kesilapan dalam membaca dan menyebut), dan hanya 10 peratus sahaja pelajar yang lancar membaca dengan mengambil kira sebutan huruf dan hukum-hukum tajwid.

Dalam aspek ujian tajwid bertulis, terdapat sebanyak 30 peratus pelajar mendapat markah baik, 20 peratus pelajar mendapat markah sederhana, dan 50 peratus pelajar mendapat markah lemah. Markah purata bagi pencapaian tajwid bertulis ialah sebanyak 52.63 peratus dan ia berada dalam skala sederhana.

Melalui pemerhatian, pengkaji merasakan sebahagian besar pelajar yang dapat menjawab ujian tajwid bertulis adalah berdasarkan ingatan fakta bukan berdasarkan pemahaman yang jelas dalam bidang tajwid. Kemungkinan ini pengkaji andaikan kerana sekiranya pelajar memahami semua hukum tajwid tentunya mereka boleh membaca dengan mengamalkan hukum tajwid semasa ujian bacaan dijalankan.

Oleh itu berdasarkan dapatan kajian, min pencapaian pelajar tingkatan satu dalam pencapaian tajwid bacaan sebanyak 50.70 peratus, min pencapaian sebutan sebanyak 55.17 dan min pencapaian tajwid bertulis sebanyak 52.63 peratus. Berdasarkan ketiga-tiga min pencapaian tersebut nyatalah penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu

berada dalam tahap sederhana yang hampir kepada tahap lemah pada keseluruhannya. Oleh itu untuk mempertingkatkan mutu bacaan pelajar tingkatan satu dalam kemahiran membaca Al-Quran, perlulah tindakan susulan segera dilakukan dalam aspek tajwid dan sebutan huruf (makhraj).